



**SYARAT - SYARAT PERMOHONAN DAN PENGGUNAAN DEWAN BUNGA TERATAI,
KOMPLEKS KOTA DARULNAIM OLEH AGENSI BUKAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN.**

1. Cara Permohonan :

Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis dan dialamatkan kepada YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan di sertakan pelan susunatur (**layout**). *Pre-booking* secara lisan adalah tidak digalakan bagi mengelakkan berlaku kekhilafan.

2. Masa Tempahan :

Tempahan bertulis hendaklah dimohon kepada Bahagian Pengurusan Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan selewat-lewatnya 2 minggu sebelum program/majlis diadakan.

3. Masa Yang Dibenarkan Untuk Membuat Persiapan/raptai :

Masa yang dibenarkan untuk membuat persiapan/raptai adalah sehari sebelum tarikh program/majlis diadakan. Contohnya, *jika program berkenaan adalah pada 03 Julai 2023 (Isnin), maka tarikh dan masa persiapan/raptai yang dibenarkan adalah pada 02 Julai 2023(Ahad), dari jam 05:00 petang hingga 06:30 petang sahaja. (Sekiranya tiada kekosongan dewan bermula jam 8:00 pagi hingga 5:00 petang.)*

4. Masa terakhir Penggunaan Dewan :

Setiap program/majlis hendaklah ditamatkan selewat-lewatnya pada jam 05:30 petang.

5. Penutupan Sistem Penghawa Dingin Berpusat (Centralised Aircond):

Penghawa Dingin Berpusat (**Centralise**) akan ditutup pada jam 4:30 petang secara automatik.

6. Tempahan Dewan Diluar Waktu Bekerja

Tempahan dan Penggunaan dewan diluar waktu / bukan hari bekerja adalah tidak dibenarkan.

7. Bayaran Sewaan Penggunaan Dewan:

Bayaran Sewaan penggunaan adalah sebanyak **RM1000.00/hari** dan perlu dibayar kepada Unit Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Aras 3 Mabna MBI, iaitu 7 hari sebelum program/majlis diadakan. Kegagalan membuat bayaran ini membolehkan tempahan dibatalkan.

8. Pematuhan kepada Kod Etika Berpakaian & Undang-undang Kerajaan Negeri Kelantan:

Pakaian lelaki / wanita hendaklah menutup aurat, tertib dan sopan serta persembahan kebudayaan (jika ada) hendaklah mematuhi undang-undang yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan.

9. Peralatan Yang Dibekalkan:

Peralatan yang dibekalkan adalah seperti berikut :

BIL	JENIS PERALATAN	KUANTITI
1.	Kerusi Valvet	350 unit (maksimum)
2.	Meja Panjang (Meja Kursus)	30 unit (maksimum) 2 orang / 1meja
3.	Meja Bulat	8 unit (maksimum)
4.	Arm Rest Chair	1 set (4 buah)
5.	Rostrum	2 unit
6.	LED SKRIN	1 unit (tengah) 2 unit (sebelah kiri dan kanan)
7.	Mikrofon :	Wayar - 3 unit Cordless - 2 unit

Selain dari jenis peralatan dan kuantiti ini, pihak Penganjur / Urusetia perlulah menyediakan sendiri tertakluk kepada kelulusan Bahagian Pengurusan Korporat.

10. Parkir Kenderaan:

Memandangkan masalah ruang parkir yang terhad di dalam Kompleks Kota Darulnaim ini, maka pihak penganjur / peserta agensi luar hendaklah meletakkan kenderaan di luar Kompleks Kota Darulnaim.

11. Khidmat Katering Makanan:

Penganjur / agensi hanya boleh mendapatkan khidmat katering yang diperakukan oleh Bahagian Pengurusan Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan sahaja. Ini bertujuan untuk menjamin tahap kebersihan di dalam dan luar dewan serta kawasan persekitaran Kompleks Kota Darulnaim.

13. Pembatalan Tempahan oleh Bahagian Pengurusan Korporat:

Bahagian Pengurusan Korporat boleh membatalkan tempahan dewan ini bila-bila masa sahaja (jika ada) keperluan penggunaan yang lebih utama dari Jabatan / Agensi Kerajaan Negeri Kelantan.

14. Cara Penyediaan Backdrop


Pemohon perlulah menyediakan sendiri *Paparan eBackdrop* untuk ditayangkan di LED SKRIN dengan saiz Resolusi sebagaimana berikut :

LED SKRIN (Tengah) – 5120mm x 1920mm
LED SKRIN (Kiri dan Kanan) – 3520mm x 1920mm

15. Pengecualian Syarat

Segala pengecualian kepada Syarat – syarat ini adalah tertakluk kepada Kelulusan YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

Disahkan Oleh :


HAJJ AB PATTAH BIN HASBULLAH
 Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN
TARIKH KEMASKINI : 29 NOVEMBER 2023
 Rujukan Fail : SUK.D.200(10)65/1 Jld 19